

⦿ **800** METER
pencemaran di pesisiran pantai

⦿ **50** TAHUN
bertapak di Pengkalan Nelayan Kampung Hilir

⦿ **RM40** BELANJA
sehari ke laut



Charlie (kiri) bersama rakannya, David (kanan) dan Clarence Monteiro, 48, **menunjukkan hasil tangkapan** ikan yang berkurangan di persisir pantai berhampiran Pulau Melaka di Pangkalan Nelayan Kampung Hillir, Banda Hilir, Melaka.

[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN / BH]



David **mengasingkan** ikan ke dalam kotak untuk di jual di Pangkalan Nelayan Kampung Hillir, Banda Hilir, Melaka.

'Sisa simen dalam periuk'

» **Kerakusan pemaju musnah sumber perikanan Pulau Melaka**

Oleh Muhammad
Hatim Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

► **Melaka Tengah**

Kerakusan pemaju menyebabkan pencemaran. Akibatnya, sumber perikanan musnah. Udang gera-

gau yang menjadi rezeki nelayan seketika dulu, bagaikan sudah lenyap.

Ini terjadi di kawasan pesisir pantai berhampiran Pulau Melaka di sini. Kawasan itu kini tercemar.

Ketua nelayan, Charlie Overee, 74, berkata mereka kecewa dengan keadaan itu dan hairan mengapa Jabatan Alam Sekitar (JAS) membenarkan kelulusan

permit untuk melepaskan sisa bancuhan simen ke laut.

"Tindakan mengalirkan sisa binaan ke laut tidak boleh dibenarkan sama sekali kerana ia menutup periuk nasi kami yang mencari rezeki di pesisir pantai ini," katanya ketika ditemui BH.

Sehingga kini, beliau tidak mengetahui sebarang perkembangan lanjut hasil lawatan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Datuk R Perumal ke pesisir pantai itu 11 Jun lalu.

Kata beliau, masalah itu masih terus berlaku apabila pencemaran sisa binaan jelas kelihatan ketika air laut surut pada sebelah petang.

Rakannya, David Thesira, 61, berkata sebelum ini pemaju pembinaan dalam perbincangan bersama Perumal menyatakan mahu memberi wang pampasan, tetapi itu bukan jalan penyelesaian kerana masalah sama masih berulang.

JAS arah bina benteng tambahan

Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka, Anuar Ishak, berkata pihaknya memandang serius masalah dihadapi nelayan di Kampung Hilir dan sudah mengarahkan pemaju berkenaan membina benteng tambahan bagi menghalang sisa simen ke laut.

Katanya, jabatan itu tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan kerja di tapak pembinaan itu serta-merta kerana pemaju mendapat kelulusan pembinaan daripada kerajaan negeri menerusi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

"Kelulusan permit untuk pelepasan sisa bancuhan simen ke laut bukan bidang kuasa JAS. Namun, kita tetap memantau perkara ini dari semasa ke semasa

kerana masih ada aduan nelayan.

"Saya akan memanjangkan hal ini kepada MBMB dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menanganinya sebaik mungkin. Sisa berkenaan sepatutnya disalurkan ke longkang," katanya.

"Kelulusan permit pelepasan sisa itu bukan bidang kuasa JAS"

Anuar Ishak,
Penolong Pengarah
Jabatan Alam
Sekitar